

**Tun Mustapha
dianugerah
Ijazah
Kehormat
Doktor
Falsafah**

KOTA KINABALU: Bapa Kemerdekaan Sabah, allahyarham Tun Datu Mustapha Datu Harun dikurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pembangunan Sosial) sempena konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, pada Sabtu.

Ijazah Kehormat itu disampaikan oleh Canselor UMS yang juga Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Ahmadshah Abdullah kepada anak allahyarham, Datu Amirkahar yang ditemani isterinya, Datin Aminah Ambrose dan kakaknya, Dayang Maimunah.

Ahmadshah dalam ucapannya berkata, anugerah itu dikurniakan kepada Mustapha kerana ketokohan dan kewibawaan allahyarham dalam membebaskan negeri Sabah daripada penjajahan dan seterusnya membangunkan negeri ini sehingga ia dapat menyusur alur perdana sealiran dengan negeri lain dalam Malaysia.



AHMADSHAH menyampaikan Ijazah Kehormat tersebut kepada anak Allahyarham, Amirkahar.

Selain daripada membebaskan Sabah daripada penjajahan, Mustapha yang dilahirkan pada 31 Julai 1918, di Kudat adalah Yang Dipertua Negeri Sabah pertama selepas Sabah memasuki Malaysia pada 16 September 1963, Menteri Persekutuan bagi Hal Ehwal Sabah dan Pertahanan Awam pada tahun 1966 dan juga Ketua Menteri Sabah ketiga dari tahun 1967 hingga 1975.

Beliau meninggal dunia pada 2 Januari 1995 sewaktu berusia 76 tahun dan dimakamkan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Ulu Putatan.

Amirkahar ketika ditemui selepas menerima anugerah itu berkata, beliau bersama keluarganya gembira dengan pengiktirafan yang diberikan UMS terhadap jasa bapanya.

Sementara itu, UMS men-

ganugerahkan gelaran Profesor Emiritus kepada Prof Dr Abdul Halim Othman, seorang ahli akademik bidang psikologi yang kini merupakan Profesor Adjung, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohamed Noh Dalimin berkata, pada konvensyen kali ini seramai 3,702 graduan menerima ijazah masing-masing.